

03 APR 1996

Mahathir-VIP

PM MAHU KAJIAN PENGGUNAAN BILIK VIP LAPANGAN TERBANG

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penggunaan bilik orang kenamaan (VIP) di lapangan terbang di negara ini hendaklah dikaji agar ia tidak disalahgunakan.

Perdana Menteri berkata pihak berkuasa berkenaan perlu memastikan hanya mereka yang layak sahaja dibenarkan menggunakan bilik itu memandangkan ramai yang mengaku diri sebagai "VIP" dan mengambil kesempatan terutamanya di lapangan terbang di negeri-negeri seperti di Sabah.

"Saya sedar ada masalah sedikit tentang pengurusan lapangan terbang di Sabah kerana di sana telalu banyak orang yang mendakwa diri mereka sebagai VIP," katanya semasa mengulas dakwaan penyeludupan senjata api ke Taiwan menerusi lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu.

Seorang peniaga Sabah Datuk Alfred Chin yang kini ditahan oleh polis Taiwan kerana disyaki terbabit dalam kegiatan pengedaran senjata, dikatakan telah melepasi pemeriksaan keselamatan di bilik VIP lapangan terbang itu.

Dr Mahathir berkata demikian semasa bercakap kepada wartawan selepas mengadakan kunjungan selamat tinggal kepada rakan sejawatannya dari Papua New Guinea Sir Julius Chan dan isteri Lady Stella Chan yang meneruskan lawatan mereka ke Sarawak. Datin Seri Dr Siti Hasmah turut serta.

Dr Mahathir berkata orang kenamaan perlu memohon kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan kebenaran menggunakan bilik-bilik berkenaan tetapi di negeri-negeri ada yang tidak berbuat demikian.

Bagaimanapun keadaan di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang tidak mempunyai masalah, katanya.

Dr Mahathir berkata bilik VIP di Sabah juga tertakluk kepada peraturan itu tetapi tidak ramai yang mengendahnya.

"Mereka ini tidak mengendahkan pihak berkuasa lapangan terbang di situ dan inilah yang menjadi masalah sedikit," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kajian itu bukan sahaja perlu dilakukan di lapangan terbang di Sabah tetapi juga di negeri-negeri lain.

Perdana Menteri berkata kajian terhadap penggunaan bilik VIP itu bukan semata-mata

bagi mengawasi penyeludupan senjata api tetapi juga terhadap kesalahan lain.

"Biasanya mereka ini datang dan menggunakan bilik VIP tidak buat apa-apa yang salah

tetapi kita nak tahu yang mana yang salah dan yang mana yang tidak," katanya.

Mengenai hukuman terhadap bekas penembak negara Vincent Teo oleh Mahkamah Majistret

Kota Kinabalu semalam yang akan dipenjarakan selama sebulan dan denda RM6,000 kerana

menjual 31 senjata api secara haram kepada Chin, Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada

pendakwa raya untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Teo, 50, mengaku bersalah menjual secara haram senjata api berharga RM63,342 kepada

Chin yang merupakan wakil perdagangan Sabah di Taiwan, sebanyak tiga kali antara 27 Julai

1994 dan 21 Mac lepas. Dia dijatuhi hukuman sebulan penjara dan RM2,000 bagi setiap

kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Senjata Api 1960. Bagaimanapun hukuman penjaranya

berjalan serentak.

Semasa ditanya tentang kemungkinan kerajaan mengkaji semula syarat-syarat pemberian

lesen penjualan senjata api, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang meneliti sama ada peraturan

sekarang boleh diteruskan.

Ketika ditanya sama ada isu Menteri Besar Kedah akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis

Tertinggi UMNO Sabtu ini, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata terpulanglah kepada

anggota MT sama ada mahu membangkitkan soal itu.

Perkara itu menjadi hangat semula baru-baru ini apabila 22 Anggota Dewan Undangan Negeri

Kedah mengumumkan kepada media untuk menghantar memorandum kepada Perdana Menteri bagi

menyokong Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah dan menolak sebarang langkah

untuk melantik bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid menggantikan Osman.

Semasa ditanya tentang kemungkinan tindakan ADUN Kedah itu menjadi ikutan, Dr Mahathir

berkata beliau belum lagi membuat keputusan mengenai tindakan yang dilakukan oleh mereka itu.

Beliau mengulangi bahawa UMNO tidak pernah menghalang anggotanya bercakap dan mengemukakan

pandangan tetapi ia hendaklah mengikut peraturan parti.

Mengenai pertemuannya dengan Sir Julius, Dr Mahathir berkata rakan sejawatannya itu

mencadangkan supaya Malaysia menggalakkan pelabur negara ini menyertai kegiatan ekonomi

di Papua New Guinea dan negara-negara Pasifik Selatan.

Beliau berkata Sir Julius berpendapat Malaysia berupaya memainkan peranan itu selaras

dengan minat yang ditunjukkan oleh peniaga negara ini. -- BERNAMA

SJA NMO